


Rombongan Universiti Malaysia Sabah lawat Universiti Copenhagen

Um 15.11.2012 22



TOMAS Refslund Poulsen (dua dari kanan) menerima cenderamata daripada Mohd. Harun Abdullah semasa lawatan rombongan UMS ke Kampus Mesra Alam, Universiti Copenhagen, Denmark, baru-baru ini.

KOTA KINABALU 14 Nov. - UMS terus memperkukuhkan hubungan dengan universiti luar dan terbaharu menerusi kunjungan rasmi ke Kampus Mesra Alam di Universiti Copenhagen, Denmark baru-baru ini.

Rombongan UMS disertai Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah; Pendaftar universiti, Datuk Abdullah Mohd. Said; Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Felix Tongkul serta Timbalan Pendaftar Kanan, Mohd. Raffie Janau.

UMS dalam kenyataannya di sini baru-baru ini berkata, lawatan rasmi itu bertujuan berkongsi maklumat dan melihat sendiri suasana di universiti tersebut yang terkenal dengan konsep mesra alam dalam semua aspek termasuk pengurusan, pembangunan dan operasi kampus.

Katanya, Universiti Copenhagen dipilih sebagai destinasi lawatan kerana selaras dengan komitmen UMS untuk menjadi sebuah Eko-Kampus terkenal di negara ini.

"Pemilihan Universiti Copenhagen kerana pengurusannya yang sangat hebat dalam mengurangkan kesan ke atas alam sekitar, khususnya berkaitan penggunaan tenaga dan pengeluaran gas karbon

6 Pemilihan Universiti Copenhagen kerana pengurusannya yang sangat hebat dalam mengurangkan kesan ke atas alam sekitar, khususnya berkaitan penggunaan tenaga dan pengeluaran gas karbon dioksida

DR. MOHD. HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

dioksida.

"Selain itu, universiti dari Denmark ini juga mengadakan kolaborasi global serta memastikan penglibatan kakitangan dan penuntut dalam menayakan objektif Kampus Hijau," katanya.

Dalam lawatan rasmi itu, rombongan UMS turut diberi taklimat oleh Ketua Kumpulan Pengurusan Kampus Mesra Alam, Tomas Refslund Poulsen.